



05-4506832



pusataka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tunku Damun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



Pustaka Tlaman



ptbupsi

ORIENTASI SIKAP KEUSAHAWANAN DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH LAMBOR KIRI PERAK

HISAN BIN MOHD. SUDIN



05-4506832



pusataka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tunku Damun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



Pustaka Tlaman



ptbupsi

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PERNIAGAAN)**

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007



05-4506832



pusataka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tunku Damun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



Pustaka Tlaman



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

TARIKH :

HISAN BIN MOHD. SUDIN
M20021000760





DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.

DATE :

HISAN BIN MOHD. SUDIN
M20021000760





PENGHARGAAN

Segala puji hanya bagi Allah yang maha mengetahui. Selawat dan salam untuk Nabi Muhammad S.A.W. serta para sahabat. Di atas izinNya, kertas projek ini telah dapat disiapkan bagi melengkapkan program pengajian penulis.

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada:

- ❑ Encik Osman Jusoh selaku penyelia projek di atas bimbingan dan tunjuk ajar beliau serta kesabaran menghadapi karenah saya sebagai pelajar.
- ❑ Profesor Madya Encik Hariri Kamis Dekan Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Profesor Madya Dr. Omar Abdul Kareem, Profesor Dr. Ahmad Mahzan Ayob, Profesor Dr. Noran Fauziah Yaakob, Profesor Emeritus Dato' Dr. Isahak Harun, Profesor Abu Talib serta lain-lain pensyarah dan kakitangan yang membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- ❑ Pengetua sekolah terlibat
- ❑ Pegawai-pegawai di Jabatan Pelajaran Perak yang memberi maklumat dari pangkalan data mereka.
- ❑ Serta rakan-rakan yang sentiasa berganding bahu untuk mencapai satu matlamat.

Paling istimewa, kepada ibu dan kedua-dua mertua tersayang, isteri tercinta Hamiza Yusof yang sentiasa bersabar membantu dan anak-anak yang dirindui Hafiz, Hamizah serta Hanis Jawahir yang sentiasa memberi ketenangan di sepanjang tempoh pengajian ini.

Wassalam.





ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk menerangkan sikap keusahawanan di kalangan pelajar sekolah. Fokus kajian adalah berdasarkan orientasi sikap model kajian McClelland. Kaedah soal-selidik telah digunakan untuk memperolehi maklumat. Kebolehpercayaan instrumen adalah Alpha .7809. Seramai 230 pelajar telah dipilih sebagai sampel yang dipilih secara rawak menggunakan formula Yamana dan data dianalisis menggunakan SPSS v 11.0 dan Microsoft Excel. Statistik deskriptif dan inferensi telah digunakan. Hasil kajian menunjukkan orientasi sikap keusahawanan pelajar menunjukkan signifikan berdasarkan jantina. Secara umum responden menunjukkan penonjolan dari aspek sikap orientasi kecekapan, keyakinan diri dan menyelesaikan masalah secara kreatif. Dari segi perbandingan khusus perempuan lebih menonjol dari sudut menyelesaikan masalah secara kreatif, bekerja berorientasikan kecekapan, membuat perancangan secara sistematik, bertindak menggunakan strategi pengaruh, dapat meyakinkan orang lain, mempunyai keyakinan diri, membuat kerja menumpukan aspek mutu dan sentiasa berusaha mencari maklumat manakala penonjolan lelaki adalah dari aspek sikap komitmen terhadap kerja, berinisiatif dan pandai melihat dan merebut peluang. Anak sulung ketara dari sudut sikap keyakinan diri, komited terhadap kerja dan berinisiatif. Saiz keluarga mempengaruhi sikap inisiatif, melihat dan merebut peluang dan pandai menggunakan strategi pengaruh. Responden yang aktif dalam persatuan pula umumnya lebih pandai merebut peluang dan membuat kerja menumpukan aspek mutu manakala responden yang aktif dalam kegiatan koperasi lebih berinisiatif membuat kerja.





ABSTRACT

The purpose of this study is to explain attitude towards the entrepreneurship among school students. The main focus of this study is based on McClelland module of attitude orientation. Questionnaires were randomly used. The reliability of this instruments is Alpha 0.7899. A total of 230 students were randomly chosen as sample using Yamana's formula and data was analysed through SPSS v11.0 and Microsoft Excel. Descriptive statistic and inferential methods were used to answer research questions. Analyses showed students orientation towards entrepreneurship interest are gender related. The girls showed that they are more creative in problem solving, persistence, systematic planning, self-confidence, concern for high quality of work and good in information seeking. In contrast male are more committed, initiative and good in grabbing opportunities. The eldest in family were found to be more committed to work contract, initiative and self confident whereas family size influence the attitude towards initiative, good in grabbing opportunities. Students who were actively involved in school's societies were good in grabbing opportunities and concern for high quality of work. In contrast those who were actively involved in school cooperative showed that they were more initiative.



KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN/SIMBOL/TATANAMA/ISTILAH	xii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Kesan Penjajahan Ke Atas Budaya Keusahawanan	3
1.3	Pembangunan Semula Budaya Keusahawanan	6
1.4	Latar Belakang Pendidikan Keusahawanan	12
1.5	Pernyataan Masalah	17
1.6	Objektif Kajian	23
1.7	Kepentingan Kajian	24
1.8	Hipotesis Kajian	27
1.9	Batasan Kajian	27
1.10	Definisi Konsep dan Operasi	28
	1.10.1 Sikap Usahawan	
	1.10.2 Keaktifan Dalam Aktiviti Persatuan.	29
	1.10.3 Keaktifan Dalam Aktiviti Koperasi	
1.11	Kerangka Konseptual Kajian.	29

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	31
2.2	Asas Kajian McClelland	35
2.3	Sikap Usahawan Berjaya	43
2.4	Orientasi Sikap Usahawan Yang Berjaya	47
	2.4.1 Inisiatif	50
	2.4.2 Melihat dan Merebut Peluang	51
	2.4.3 Menyelesaikan Masalah Secara Kreatif	53
	2.4.4 Kemahiran Mencari Maklumat.	57
	2.4.5 Menitik-beratkan Mutu Kerja yang Tinggi	59
	2.4.6 Komitmen Terhadap Perjanjian Kerja.	63
	2.4.7. Berorientasikan Ke Arah Kecekalan.	64
	2.4.8 Membuat Perancangan Yang Sistematis	66
	2.4.9 Keyakinan Diri	68
	2.4.10 Ketegasan	69
	2.4.11 Meyakinkan Orang Lain	70
	2.4.12 Menggunakan Strategi-strategi Pengaruh	70

2.5	Pengaruh Faktor Demografi.	71
2.6	Pendidikan Keusahawanan.	74
2.7	Pembentukan Budaya Keusahawanan.	76
2.8	Kajian Lepas.	84
2.9	Matlamat Pendidikan Keusahawanan	88

BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1	Pengenalan	90
3.2	Reka Bentuk Kajian	91
3.3	Populasi dan Persampelan	94
3.4	Instrumen Kajian	97
3.5	Kebolehpercayaan Instrumen	98
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	100
3.7	Prosedur Analisis Data	101
3.7.1	Pemfaktoran Angkubah.	103

BAB 4 HASIL PENYELIDIKAN

4.1	Pengenalan	113
4.2	Profil Responden	114
4.2.1	Bilangan Responden Mengikut Jantina	114
4.2.2	Bilangan Responden Mengikut Saiz Keluarga	115
4.2.3	Bilangan Responden Mengikut Pekerjaan Keluarga	115
4.2.4	Bilangan Responden Mengikut Kedudukan Dalam Keluarga.	116
4.2.5	Bilangan Responden Mengikut Pendapatan Keluarga	116
4.2.6	Bilangan Responden Mengikut Keaktifan Dalam Koperasi	117
4.2.7	Bilangan Responden Mengikut Keaktifan Dalam Persatuan	117
4.3	Pengujian Hipotesis	118
4.3.1	Hipotesis 1	121
4.3.2	Hipotesis 2	126
4.3.3	Hipotesis 3	130
4.3.4	Hipotesis 4	132
4.3.5	Hipotesis 5	134
4.3.6	Hipotesis 6	137
4.3.7	Hipotesis 7	138

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	140
5.2	Ringkasan Kajian	141
5.3	Kesimpulan Kajian.	141

5.4	Cadangan dan Kesimpulan.	145
5.5	Cadangan Penyelidikan Akan Datang	150

BIBLIOGRAFI	151
--------------------	------------

LAMPIRAN

A	Borang Soal Selidik
B	Laporan Kajian Rintis
C	Kebolehpercayaan Setiap Item
D.	Nilai KMOMSA untuk Pemfaktoran
E	Analisis Varian Diterangkan
F	Rotated Component Matrix
G	Ujian t untuk Angkubah Jantina
H	Perbezaan Mean antara Jantina bagi Setiap Faktor.
I	Ujian ANOVA Kedudukan Pelajar dalam Keluarga ke Atas Orientasi Keusahawanan
J	Ujian ANOVA Saiz Keluarga dengan Orientasi Keusahawanan
K	Ujian ANOVA Pendapatan Keluarga dengan Orientasi Keusahawanan
L	Jadual Taburan t dan Taburan F

SENARAI JADUAL

Jadual

muka surat

1.1	Faktor Kejayaan Usahawan di Asia Tenggara	4
1.2	Perkembangan Gerakan Koperasi di Malaysia	7
1.3	Senarai Matapelajaran yang Ditawarkan Dalam Subjek MPV	10
1.4	Bilangan Peserta Program Usahawan Muda (Tahun 1997 – 2003)	11
1.5	Kesinambungan Pendidikan Pra-Vokasional (KHB) dan MPV	16
1.6	Perbandingan Syarikat-syarikat di Malaysia Mengikut Saiz Modal Saham (Ekuiti) Tahun 1997 (dalam peratus)	18
1.7	Bilangan Kes Bankrapsi	19
1.8	Faktor-faktor Usahawan Melayu Menceburi Perniagaan	20
2.1	Kontinum Motivasi.	34
2.2	Kaedah Pemilihan Projek Mengikut Prinsip Kadar Pulangan Dalam.	40
2.3	Kaedah Pemilihan Projek Mengikut Prinsip Kadar Pulangan Dalam.	40
2.4	Tipologi Gaya Usahawan	42
2.5	Kompetensi Usahawan	49
2.6	Mod Belajar Individu	78
2.7	Gaya Belajar Mengikut Model HBDI	80
2.8	Model Tiga Peringkat Proses Perubahan.	82
3.1	Corak Agihan Pendapatan Penduduk Perak Tengah.	95
3.2	Bilangan Responden Mengikut Kelas	97
3.3	Kebolehpercayaan Setiap Faktor.	100
3.4	Instrumen Ujian Bagi Analisis Hipotesis	102
3.5	Klasifikasi Setiap Faktor	104
3.6	Analisis Pemfaktoran	106
3.7	Senarai Lengkap Setiap Soalan	108
4.1	Bilangan Responden Mengikut Jantina	114
4.2	Bilangan Responden Mengikut Saiz Keluarga	
4.3	Bilangan Responden Mengikut Pekerjaan Keluarga	115
4.4	Bilangan Responden Mengikut Kedudukan Dalam Keluarga	
4.5	Bilangan Responden Mengikut Pendapatan Keluarga	116
4.6	Bilangan Responden Mengikut Keaktifan Dalam Koperasi	117
4.7	Bilangan Responden Mengikut Keaktifan Dalam Persatuan	
4.8	Analisis Keseluruhan	119
4.9	Kompetensi Usahawan	120
4.10	Pengiraan t Statistik	122
4.11	Analisis Ujian F Jantina	123
4.12	Perbezaan Mean di Antara Lelaki dengan Perempuan	124
4.13	Perbezaan Mean di Antara Jantina Mengikut Tiga Kompetensi	125
4.14	Perbezaan Mean di Antara Jantina Mengikut Tiga Kompetensi	
4.15	Analisis ANOVA Faktor Kedudukan Dalam Keluarga	126
4.16	Pengiraan F Statistik Bagi Faktor Komitmen.	127



4.17	Mean Orientasi Mengikut Kedudukan Dalam Keluarga.	128
4.18	Ujian Pos-Hoc Orientasi Keusahawanan dengan Kedudukan Dalam Keluarga	129
4.19	Analisis ANOVA Saiz Keluarga	130
4.20	Ujian Pos-Hoc Orientasi Keusahawanan dengan Saiz Keluarga	131
4.21	Analisis ANOVA Pendapatan.	132
4.22	Ujian Pos-Hoc Orientasi Keusahawanan dengan Pendapatan Keluarga	133
4.23	Analisis ANOVA Pekerjaan Keluarga	134
4.24	Ujian Pos-Hoc Orientasi Keusahawanan dengan Pekerjaan Keluarga	135
4.25	Analisis ANOVA Keaktifan Pelajar dengan Kegiatan Koperasi	137
4.26	Analisis ANOVA Keaktifan Pelajar dengan Kegiatan Persatuan.	138
4.27	Ujian Pos-Hoc Orientasi Keusahawanan dengan Keaktifan Dalam Kelab	139
5.1	Dana Pakej Merangsang Pertumbuhan Ekonomi.	148



SENARAI RAJAH

Rajah	muka surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	30
2.1 Perkaitan Pemikiran dengan Tingkahlaku	44
2.2 Komponen Tabiat	46
2.3 Kompetensi Usahawan	48
2.5 Urutan Aktiviti Penyelesaian Masalah	50
2.6 Perancangan Pengurusan Pelanggan	58
2.7 Faktor Campuran Pemasaran Terhadap Keperluan Pelanggan	59
2.8 Pusingan Proses Kualiti Menyeluruh	61
2.9 Kesan Kualiti Yang Rendah Dalam Ekonomi	61
2.10 Pusingan Pembelajaran	76
2.11 Ke Arah Pembentukan Usahawan.	88

SENARAI SINGKATAN



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Keusahawanan merupakan satu bidang pekerjaan yang penting kepada aspek pembangunan manusia. Mengapa mereka penting dapat dilihat dari peranan mereka dalam pembangunan manusia sama ada pembangunan material mahu pun pembangunan spiritual. Tanpa usahawan program pembangunan negara gagal dilaksanakan. Bygrave William D. (1997, p.1) menyatakan di Amerika Syarikat dari tahun 1990 sehingga 1994 pertumbuhan industri kecil dengan pekerja 100 orang dan kurang menjana 7 sehingga 8 juta pekerjaan baru berbanding dengan firma yang melebihi 100 pekerja menyekat peluang kerja sebanyak 3.6 juta. Kuratko Donald F. dan Hodgetts Richard M. (2004, p.28) juga menyatakan bahawa usahawan adalah pemangkin utama kepada perubahan dalam dunia perniagaan. Dalam strategi baru untuk merangsang





pertumbuhan ekonomi negara, Unit Perancangan dan Pemodenan Tenaga Manusia (MAMPU) telah menggariskan empat strategi utama iaitu “menggalkan pelaburan swasta, memperkukuhkan daya saing negara, membangun punca pertumbuhan baru dan meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian.” (MAMPU, 2003). Satu daripada aspek penting dalam menjayakan strategi di atas adalah menjadikan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) sebagai pemangkin pertumbuhan. SME secara langsung mengkhusus kepada kegiatan keusahawanan. Kirchhoff Bruce A. dalam Bygrave William D. (1997, p.445) pula menyatakan keusahawanan merupakan mekanisme penting untuk kesinambungan pengwujudan kekayaan serta agihannya.



Di Tanah Melayu budaya keusahawanan dimatikan dengan tanpa kewujudan ilmu keusahawanan dalam sistem pendidikan dan juga kesan dasar pecah dan perintah British yang menghalang komunikasi antara kaum dan antara wilayah. British menjajah Tanah Melayu kerana mereka ingin mengaut kekayaan yang ada di sini dan dibawa untuk diagihkan di negara mereka. Pendapat ini dinyatakan oleh Adam Smith dalam bukunya ‘Wealth of Nations’ (1910, p.63) dalam Shukor Omar (2003, p1).

The colony of civilized nation which takes possession either of a waste country, or of one so inhabited that the natives easily give place to the new settlers, advances more rapidly and greatness than any other human society.”

Penjajahan British di Tanah Melayu meninggalkan kesan yang amat mendalam ke atas sistem pendidikan seterusnya secara langsung mempengaruhi budaya keusahawanan terutama ke atas penduduk pribumi.





Penjajahan bermula Portugis, Belanda, British dan Jepun memberi kesan ke atas struktur masyarakat. Akibat penjajahan British struktur masyarakat lebih menggambarkan pola ekonomi di mana majoriti Melayu berada di luar bandar yang lebih terlibat dalam kegiatan sektor utama, masyarakat Cina yang tertumpu di kawasan perlombongan yang menjadi pelombong dan peniaga manakala kaum India tertumpu di kawasan ladang (Milne R.S. dan Mauzy Diane K., 1982, p.3). Kawasan-kawasan perlombongan inilah yang sebahagiannya menjadi bandar-bandar besar sehingga kini. Melayu disisihkan di kawasan luarbandar dengan aktiviti tradisinya bertani. Menurut Shukor Omar (2003, p.17),

the Malays not only been displaced demographically as a minority in their own country by the new influx of immigrants from China and India, but had become economically insignificantly primarily identified as farmers and fishermen under British rule.

Jelaslah bahawa Melayu terpinggir di tanahair sendiri bak kata Dr Burhanuddin AlHelmi seperti ayam di kepuk kelaparan, itik di air kehausan.

1.2 Kesan Penjajahan Ke Atas Budaya Keusahawanan

Hubungan bandar-bandar dengan desa-desa mewujudkan sistem ekonomi monopoli-monopsoni atau ringkasnya M-M menurut Profesor Diraja Ungku Aziz. Menurut lagi dalam Ozey Mehmet (1987) teori M-M menyebabkan kemiskinan berpunca daripada institusi dan struktur.

kemiskinan Melayu di luar bandar berdasarkan struktur eksploitasi monopoli-monopsoni, yang membawa keuntungan berlebihan kepada orang tengah dan kemiskinan kepada petani Melayu.” (p.3)



Monopoli menurut John Sloman (1991, p.190) adalah struktur pasaran di mana hanya terdapat satu firma di dalam sesuatu industri yang membekalkan barangan atau perkhidmatan manakala monopsoni bermaksud pasaran di mana hanya terdapat seorang pembeli keluaran sektor utama (p.281)

Ini bermaksud seseorang individu atau institusi yang menguasai sistem M-M akan bertindak sebagai pembekal tunggal barangan dan perkhidmatan dan dalam masa yang sama menjadi pembeli semua hasil keluaran utama. Dalam perkataan lain mereka menjadi orang tengah di dalam rangkaian pemasaran.

Ekoran pengaruh persekitaran luarbandar serta sistem M-M dalam sistem ekonomi, ditambahi kekosongan dalam sistem pendidikan keusahawanan tidak memungkinkan masyarakat Melayu khususnya berminat dan berilmu terhadap dunia keusahawanan.

Jadual 1.1
Faktor Kejayaan Usahawan di Asia Tenggara.

Etnik/Negara	Sebab kejayaan	Kaitan teori
1.Batak di Sumatera Indonesia	Memiliki latar belakang pendidikan yang lebih baik	Schumpeter
2.Tobenon, Bali Indonesia	Ketegangan dan rasa tidak puas hati mengenai nasib dan keadaan masyarakat sosial (Geertz, 1963)	Everett Hagen
3.Usahawan tempatan di Filipina	Pencapaian tinggi dalam pendidikan dan taraf sosioekonomi (Carol, 1965)	Schumpeter, Alfred Marshall
4.Orang Siam di Negara Thai	Pencapaian lambat dan mengikut evolusi (Mohd. Amir Sharifuddin, 1984)	Alfred Marshall
5.Orang Melayu di Malaysia	Pencapaian lambat kerana penjajahan	Alfred Marshall
6.Orang Cina di Indonesia, Negara Thai dan Malaysia	Kecekapan tinggi, golongan bawahan, berpendidikan tinggi (Propenoe, 1970)	Everett Hagen , McClelland, Schumpeter.

Sumber : Nor Aishah Buang (2002, p.46)



Oleh itu akibat penjajahan, pencapaian orang Melayu dalam bidang keusahawanan adalah agak lambat. Ini dapat dirujuk dari jadual 1.1 di atas iaitu hasil dapatan Mohd. Amir Sharifuddin dan Humam Mohamed berkaitan kejayaan usahawan di Asia Tenggara yang telah diringkaskan oleh Badrul Hisham Alang Osman (1995) dalam Nor Aishah Buang (2002, p.45; Shukor, 2003, p.53)

British melalui sistem pendidikan hanya berhasrat untuk melihat anak-anak peribumi meneruskan kerjaya bapanya dalam bentuk yang maju sedikit iaitu untuk menjadikan mereka petani yang lebih baik sedikit daripada bapanya. Ketua Setiausaha British tahun 1920 G.W. Maxwell dalam Ibrahim Saad (1981, p.14) menyatakan tujuan pendidikan British adalah:

untuk memperbaiki keadaan kebanyakan orang Melayu, dan mereka menjadikan anak-anak nelayan atau petani yang lebih baik dari bapanya dan menjadikannya seorang yang memahami nasibnya sesuai dengan keadaan penghidupan di kelilingnya.

Ini menunjukkan Inggeris kurang berminat untuk mengubah masyarakat Melayu lebih-lebih lagi ke arah masyarakat usahawan, tapi mengapakah pula mereka mahu kanak-kanak Melayu bersekolah? Bukankah lebih baik mereka tidak bersekolah langsung. Kalau kanak-kanak ini tidak bersekolah mereka tidak ada hubungan dengan Inggeris dan tidak mendalam pengaruh Inggeris. Oleh itu ada kemungkinan mereka menentang kuasa Inggeris. Jadi peranan pendidikan hanyalah sebagai saluran pengembangan pengaruh dan bukan matlamat perkembangan diri. Kandungan sukatan pelajaran tidak lebih hanya untuk memenuhi konsep boleh membaca, menulis dan mengira sahaja. Dari sudut ekonomi pula kerajaan hanya mengambil berat akan masalah ekonomi yang akan menggugat pemerintah ketika itu.





Namun begitu budaya keusahawanan sebelum penjajahan amat berbeza sama sekali dengan budaya semasa penjajahan di mana menurut Emanuel Godhino de Eredia dalam Shukor Omar (2003, p.3) di dalam manuskripnya 'Description of Malacca and Meridonial India and Cathay pada tahun 1613 menyatakan ,

in A.D. 163 trade was established between Egypt and the Coromandel coast, and from the latter to the Malay Peninsula and Sumatra.....Malacca grew in importance even before 1292.

Ketika itu peniaga dan usahawan adalah terdiri daripada golongan bangsawan dan istana kerana mereka mempunyai dua peranan iaitu sebagai duta dan dalam masa yang sama menjalankan urusan perniagaan. Peranan tersebut masa kini boleh dianggap menyamai peranan MATRADE.

Ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia khususnya di kalangan kaum Melayu telah wujud masyarakat usahawan yang berjaya menempatkan diri dalam peta dunia tetapi kemudiannya terhapus budaya tersebut akibat dasar penjajah ke atas negara dan dasar pendidikan.

1.3 Pembangunan Semula Budaya Keusahawanan

Era permulaan kitaran semula pengwujudan budaya keusahawanan hanya bermula apabila pemerintah British ketika itu mengwujudkan gerakan koperasi semata-mata untuk mengatasi masalah kredit masyarakat luarbandar (W.M. Chik, 1990, p.8) terutamanya di kalangan orang Melayu yang mana jika masalah ini berpanjangan penentangan ke atas kuasa British akan menjadi meruncing.





Oleh itu kerajaan telah menubuhkan Bank Simpanan Kerajaan Khas untuk masyarakat petani. (Zainal Abidin Hashim, 1997, p.4) Tindakan ini lebih mengkhusus kepada asas pembentukan koperasi. yang lebih mengkhusus kepada fungsi kredit. Pada tahun 1970an dan 1980an telah menunjukkan era perubahan aktiviti koperasi dari fungsi pinjaman kepada aktiviti keusahawanan yang lebih fokus membantu kegiatan ahli. Keadaan ini berlaku apabila wujudnya agensi lain seperti Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) bagi menyelia koperasi bercorak pertanian dan Lembaga Kemajuan Ikan (LKIM) bagi menyelia koperasi bercorak perikanan sementara lain-lain bentuk koperasi di bawah seliaan Jabatan Pembangunan Koperasi. (W.M. Chik, 1990, p.9). Perkembangan gerakan koperasi di Malaysia dapat dilihat dari jadual 1.2 di bawah.



Jadual 1.2
Perkembangan Gerakan Koperasi di Malaysia

Tahun	Bilangan koperasi	Bilangan ahli	Jumlah saham
1925	4	500	8950
1926	15	2711	64628
1927	15	3230	112644
1928	21	4180	225605
1929	30	5923	399815
1973	1026	668265	259418402
1974	1112	732511	305297158
1975	1201	772000	335754121
1976	1301	815900	366299140
1977	1346	850000	400000000
1981	2103	1805416	722772286
1982	2139	2439528	803254117
1983	2271	2583000	820400000
1984	2395	2648930	1022179360
1985	2541	2790000	1135000000

Sumber : Jabatan Pembangunan Koperasi

Era Baru Koperasi yang bermula pada 28 Januari 1982, (Zainal Abidin Hashim, 1997, p.32) telah menghasilkan enam jenis koperasi baru iaitu





Koperasi Pembangunan Daerah, Koperasi Industri Kampung, Koperasi Pembangunan Negara, Koperasi Pembangunan Kampung, Koperasi Pelaburan Pekerja dan Institut Juruaudit Koperasi. Penubuhan pelbagai jenis koperasi ini menunjukkan gerakan koperasi telah mula mendidik masyarakat akan aktiviti keusahawanan dengan mengembangkan aktiviti tradisinya dalam kegiatan kredit pengguna yang semata-mata menjadikan ahli sebagai pengguna kepada kegiatan pengeluaran yang bersesuaian dengan kehendak ahli-ahlinya. Kegiatan ini selaras dengan aktiviti bertujuan untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pertanian Negara. Kini fungsi koperasi dan keusahawanan telah disatukan di bawah Kementerian Usahawan dan Pembangunan Koperasi (Ministry of Entrepreneurial and Cooperative Development).



Koperasi sekolah adalah satu daripada koperasi di bawah kawalan JPK yang bertujuan melatih murid-murid tentang konsep bekerjasama selain membekalkan peralatan kelengkapan harian sekolah. Ia adalah sebahagian kecil usaha untuk menerapkan budaya keusahawanan di kalangan pelajar. Menurut Menteri Pelajaran Malaysia Dato' Hishamuddin Tun Hussein sempena sambutan Hari Koperasi Sekolah 2005 di Wisma Ungku Aziz Kelana Jaya,

“Melalui pelaksanaan koperasi sekolah, kita dapat memupuk dan memekarkan bakat keusahawanan dalam diri pelajar. Walaupun rakyat Malaysia memiliki bakat dan kemahiran keusahawanan namun kebanyakan mereka mengenali dunia keusahawanan selepas mereka meninggalkan bangku sekolah, padahal untuk menjadi usahawan yang berdaya saing dan berdaya maju, mereka perlu memupuk bakat dan membina kemahiran sejak peringkat awal persekolahan.” (Majallah Pelancar, Julai 2005, p.12)





Ini menunjukkan walaupun kegiatan koperasi adalah tapak asas pelajar melibatkan diri dalam dunia keusahawanan namun penglibatan pelajar dalam dunia keusahawanan melalui gerakan koperasi adalah sangat sedikit.

Oleh itu untuk memberi pendedahan langsung mengenai keusahawanan Kementerian Pendidikan melaksanakan dua strategi iaitu memperkenalkan mata pelajaran perdagangan dan menubuhkan persatuan perdagangan dan keusahawanan. Peluang terbuka luas kepada golongan pelajar untuk membabitkan diri dalam bidang keusahawanan sejak di peringkat sekolah dengan memperkenalkan mata pelajaran yang boleh membimbing mereka ke arah itu seperti Kemahiran Hidup, Rekacipta, Perakaunan dan Perdagangan (Berita Harian, 6 Oktober 1999). Pada tahun 1991, pendidikan perdagangan dan keusahawanan telah dijadikan komponen teras dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di mana ia telah diajar kepada semua pelajar tingkatan 1 hingga 3 sebagai pendedahan awal tentang keusahawanan kepada pelajar.

Dalam mata pelajaran perdagangan dan ekonomi asas iaitu di dalam tingkatan empat dan lima pendidikan keusahawanan hanya menjadi satu unit kecil pelajaran. Oleh itu pengasingan pelajaran keusahawanan dalam kurikulum mata pelajaran kemahiran hidup bagi tingkatan satu tahun 2003 dengan menjadikan perdagangan dan keusahawanan pilihan keempat selain pilihan ERT, pertanian dan kemahiran teknikal adalah usaha kementerian yang positif ke arah menjadikan keusahawanan sebagai satu matapelajaran wajib seperti juga matapelajaran bahasa, matematik dan sains. Penggubalan mata pelajaran ini adalah untuk mempertingkatkan kemahiran praktis dan





menanam semangat keusahawanan di kalangan pelajar yang kurang berminat kepada penekanan akademik, di sekolah menengah biasa (www.moe.gov.my : Jun 2002).

Bagi pelajar menengah atas pula matapelajaran Vokasional dan Teknik (atau MPV yang sebelum ini disebut “Kemahiran Asas Industri atau KAI”) di mana sebanyak 22 mata pelajaran baru (jadual 1.3) diperkenalkan di beberapa sekolah pilihan bermula tahun 2002 bagi membolehkan pelajar yang cenderung kepada kemahiran tangan (hands-on) untuk mendapat kemahiran, sekaligus memudahkan mereka mendapat pekerjaan, memulakan perniagaan sendiri atau meneruskan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) dalam bidang berkaitan.

Jadual 1.3

Senarai Matapelajaran yang Ditawarkan Dalam MPV

Bil	Nama Mata Pelajaran
1	Mata Pelajaran Pembinaan Domestik
2	Mata Pelajaran Membuat Perabot
3	Mata Pelajaran Seni Reka Tanda
4	Mata Pelajaran Menservis Peralatan Elektrik Domestik
5	Mata Pelajaran Katering dan Penyajian.
6	Mata Pelajaran Rekaan dan Jahitan Pakaian.
7	Mata Pelajaran Lanskap dan Nurseri
8	Mata Pelajaran Tanaman Makanan.
9	Mata Pelajaran Kerja Paip Domestik.
10	Mata Pelajaran Pendawaian Domestik
11	Mata Pelajaran Kimpalan Arka dan Gas.
12	Mata Pelajaran Menservis Automotif.
13	Mata Pelajaran Menservis Motosikal.





Jadual 1.3 (sambungan)

14	Mata Pelajaran Menservis Peralatan Penyejukan dan Penyamanan Udara.
15	Mata Pelajaran Pemerosesan Makanan.
16	Mata Pelajaran Penjagaan Muka dan Dandananan Rambut.
17	Mata Pelajaran Hiasan Dalaman Asas
18	Mata Pelajaran Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak
19	Mata Pelajaran Perkhidmatan Penjagaan Geriatrik
20	Mata Pelajaran Akuakultur dan Haiwan Rekreasi
21	Mata Pelajaran Produksi Multimedia.
22	Mata Pelajaran Grafik Berkomputer

Sumber : Pusat Perkembangan Kurikulum. KPM.

Bagi tujuan pengukuhan amalan keusahawanan, kelab usahawan muda

telah ditubuhkan di sekolah-sekolah pilihan dengan bimbingan PKEN-PKEN setiap negeri. Pertumbuhan ahli Kelab Usahawan Muda dapat dilihat perkembangannya melalui jadual 1.4 di bawah.

Jadual 1.4

Bilangan Peserta Program Usahawan Muda (Tahun 1997 – 2003).

Bil	Kategori	Tahun						Jumlah
		1997	1998	1999	2000	2001	2002	
1	Sekolah terlibat	110	211	255	299	326	444	1645
2	Syarikat ditubuhkan	181	313	410	360	396	449	2109
3	Pelajar terlibat	4520	7331	7307	8369	9232	11102	47861
4	Guru Pembimbing	236	393	465	583	643	685	3005
Jumlah		5047	8248	8437	9611	10597	12680	54620

Sumber : www.mecd.gov.my





Walaupun didapati penglibatan pelajar dan guru dalam aktiviti keusahawanan melalui kelab keusahawanan menunjukkan peningkatan namun ia masih dianggotai oleh sebilangan kecil pelajar dan sudah tentulah kesan daripada aktiviti latihannya juga tidak menyeluruh.

1.4 Latar Belakang Pendidikan Keusahawanan

Persoalan utama yang timbul dalam pendidikan keusahawanan ialah, 'Adakah bakat keusahawanan merupakan kurniaan semulajadi atau boleh dibentuk? Kajian lepas menunjukkan ramai orang mempunyai potensi atau ciri-ciri keusahawanan tetapi tidak menjadi usahawan (Kent, 1990). Berasaskan fenomena yang dinyatakan oleh Kent, pendidikan keusahawanan yang berkesan di sekolah berupaya mengenalpasti, membentuk dan mempengaruhi kanak-kanak yang mempunyai potensi atau ciri-ciri keusahawanan untuk menjadi usahawan. Langkah membentuk dan melahirkan seberapa ramai mungkin usahawan di Malaysia merupakan salah satu daripada cabaran wawasan 2020 memandangkan peranan usahawan sebagai agen perubahan ekonomi merupakan asas kepada pembangunan sesuatu masyarakat.

Walau bagaimanapun dalam konteks yang lebih luas, pendidikan keusahawanan di sekolah tidak boleh disalah anggap sebagai hanya untuk melahirkan usahawan, tetapi juga untuk membentuk dan mendidik kanak-kanak yang memiliki ciri-ciri dan nilai-nilai keusahawanan. Seseorang yang mempunyai sikap dan semangat keusahawanan ialah seseorang yang sentiasa ingin berjaya dan berusaha bersungguh-sungguh dalam segala bidang yang diceburi tidak kira sama ada dia seorang petani, jurutera, guru, peniaga atau



juruteknik. Secara ringkas matlamat akhir pendidikan keusahawanan, selain mempengaruhi seberapa ramai pelajar untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya, ia juga bertujuan untuk melahirkan sebuah masyarakat yang memiliki ciri-ciri dan sifat keusahawanan seperti inovatif, kreatif, pengambil risiko, yakin diri, rajin berusaha dan bersemangat cecal dalam setiap bidang diceburi. Ciri-ciri ini penting kerana institusi yang berjaya ialah institusi yang ahlinya memiliki ciri-ciri keusahawanan. Menurut Peters Thomas J. dan Waterman Robert H. Jr. (1982, p.201)

“A concomitant essential apparently is that they encourage entrepreneurial spirit among their people, because they push autonomy remarkably far down the line : Dana with its “store managers”, 3M with its venture teams, TI with it over ninety Product Customer Centres. At Emerson Electric and J & J we found “too many divisions” and consequently a typical division size that at first looked suboptimal.”

Pedagogi dalam pendidikan keusahawanan yang berbentuk satu hala, yakni menyuapkan semua maklumat ke dalam minda pelajar adalah tidak sesuai. Apa yang dimaksudkan aktiviti menyuap ialah guru hanya memberi senarai ciri-ciri atau sikap yang seharusnya dimiliki oleh usahawan dan seterusnya menerangkan kemahiran-kemahiran perniagaan yang harus dipelajari oleh seorang bakal usahawan. Pendekatan yang menggalakkan aktiviti pengembaraan dan penjelajahan dan pencarian berterusan di kalangan pelajar sekolah terutamanya bagi mereka yang mengambil mata pelajaran teknik dan vokasional, adalah amat sesuai dan berkesan dalam usaha mendidik pelajar untuk memahami, menghayati dan meminati kerjaya usahawan. Oleh itu kajian terperinci dalam bidang pedagogi keusahawanan memang diperlukan



untuk dijadikan asas bagi membentuk model pendidikan keusahawanan yang berkesan di Malaysia.

Pendidikan keusahawanan sekolah rendah masih dijalankan secara tidak formal melalui Hari Keusahawanan dan sebahagian kecil dalam mata pelajaran kemahiran manipulatif. Dalam tempoh tersebut pelajar-pelajar akan berlatih menjual pelbagai jenis barang di sekolah atau kantin sekolah. Malah pendidikan keusahawanan tidak diberi penekanan utama dalam kurikulum sekolah rendah dan dalam pendekatan pengajaran di bilik darjah.

Pada masa ini, pendidikan keusahawanan di peringkat sekolah menengah hanya dimuatkan dalam kurikulum pendidikan teknik dan vokasional sama ada secara nyata atau tidak. Kurikulum pendidikan teknik dan vokasional merupakan satu kumpulan mata pelajaran elektif yang ditawarkan di sekolah-sekolah menengah. Mata pelajaran tersebut termasuk Ekonomi Asas, Perdagangan dan Prinsip Akaun, Kemahiran Hidup Bersepadu, Reka Cipta dan Kejuruteraan. Contohnya dalam mata pelajaran Perdagangan terdapat beberapa bab yang membincangkan keusahawanan dan kemahiran-kemahiran pengurusan perniagaan secara nyata. Namun kepentingan pelajaran tersebut tidak dapat dinafikan ekoran matlamat kerajaan untuk meningkatkan jumlah usahawan bumiputera dalam setiap Rancangan Lima Tahun Malaysia (Laporan Rancangan Malaysia Ketujuh (1996- 2000). (1995).

Di samping itu, banyak kajian yang dijalankan menunjukkan latar belakang kebanyakan usahawan yang berjaya ialah mereka yang mengambil jurusan teknik dan vokasional semasa di sekolah. Oleh itu, penggubal kurikulum pendidikan teknik dan vokasional di Kementerian Pelajaran perlu





mengkaji setakat mana elemen-elemen keusahawanan itu dimuatkan ke dalam kurikulum tersebut. Seterusnya, jika elemen-elemen keusahawanan itu dimuatkan, setakat mana elemen-elemen tersebut harus diterangkan secara nyata atau tidak nyata dalam kurikulum tersebut juga harus ditentukan.

Seterusnya, berdasarkan elemen-elemen keusahawanan yang wujud sama ada secara nyata atau tidak nyata dalam kurikulum pendidikan teknik dan vokasional, bagaimanakah pedagogi isi kandungan keusahawanan patut diajar kepada pelajar-pelajar sekolah menengah? Mengikut Zaidatol Akmaliah (1995) elemen-elemen keusahawanan tidak ditonjolkan secara langsung dalam kurikulum pendidikan teknik dan vokasional. Oleh itu, pelajar-pelajar lepasan sekolah yang mendapat sijil kemahiran vokasional hanya terfikir untuk makan gaji dan tidak pernah terfikir untuk membuka perniagaan sendiri. Pada masa ini, belum ada lagi kajian untuk menilai keberkesanan kurikulum pendidikan teknik dan vokasional dalam menerapkan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar sekolah.

Pendidikan keusahawanan pada peringkat pengajian tinggi lebih menitikberatkan salah satu daripada komponen keusahawanan yang penting iaitu kemahiran pengurusan perniagaan. Isi kandungan pendidikan kemahiran ditawarkan dalam bentuk kursus pada semua peringkat pengajian, iaitu program sarjana muda dan sarjana. Pelajar-pelajar di universiti atau kolej dilatih untuk menjadi pekerja di dalam sesebuah organisasi seperti pengurus, pegawai eksekutif, pegawai pemasaran atau pegawai kewangan. Pendidikan keusahawanan pada peringkat pengajian tinggi turut diselang-selikan dengan pendidikan pengurusan perniagaan.



Jadual 1.5
Kesinambungan Pendidikan Pra-vokasional (KHB) dan MPV

Matapelajaran Pravokasional : Kemahiran Hidup Bersepadu		Matapelajaran elektif menengah atas
Komponen teras	Komponen Pilihan	
Perdagangan dan keusahawanan		Perdagangan, Prinsip Akaun dan Ekonomi Asas
Kekeluargaan		
Rekacipta		Rekacipta
Kemahiran manipulatif		**MPV
Perkebunan	Pertanian	Sains Pertanian
Pengurusan diri	ERT	ERT
Kerja kayu dan logam	Kemahiran manipulatif	Lukisan kejuruteraan Teknologi kejuruteraan
Elektrik dan elektronik	tambahan	*Pengurusan kejuruteraan Awam.
Kerja paip asas Enjin		*Pengurusan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
***Perdagangan dan keusahawanan		

* Hanya ditawarkan di sekolah-sekolah teknik sahaja

** Ditawarkan mulai tahun 2002

***Ditawarkan mulai tingkatan satu tahun 2003

Sumber : Jabatan Pendidikan Negeri Perak

Oleh itu penambahan pilihan perdagangan dan keusahawanan bagi pelajar tingkatan satu tahun 2003 sebagai satu lagi tambahan bagi mata pelajaran elektif dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu yang akan menjadi pelajar sulung dalam PMR 2005 adalah usaha kementerian pendidikan ke arah penumpuan pendidikan keusahawanan sebagai satu subjek khusus.

Bagi pelajar menengah atas mereka dapat menyambung pendidikan keusahawanan melalui pelajaran vokasional dan teknik seperti yang diterangkan dalam jadual 1.5 di atas.

Dari segi penekanan isi pelajaran dalam sukatan pelajaran KHB yang baru penekanan pendidikan keusahawanan nampaknya lebih menonjol. Penerangan terperinci dapat dilihat dari jadual 1.5 di atas di mana keusahawanan telah diberi tempat sebagai satu elektif pilihan selain ia diselitkan juga sebagai satu daripada topik dalam elektif yang lain.

1.5 Pernyataan Masalah.

Walaupun isu keusahawanan telah lama wujud tetapi ia berkembang cepat selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970. Matlamat utama DEB adalah untuk mengurangkan dan membasmi kemiskinan serta mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat Malaysia supaya ketidakseimbangan dalam ekonomi dapat diperbetulkan. Beberapa langkah positif untuk meningkatkan penglibatan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam dua fasa iaitu di alam persekolahan dan di alam kerjaya (Ahmad Berek, 1976).

Mengikut Mat Hasan (1992) program yang dirancang sepanjang tempoh pelaksanaan DEB adalah seperti penyediaan bantuan modal, penyediaan infrastruktur, penggalakkan penggunaan teknologi baru, penyediaan kemudahan pemasaran, penyediaan latihan dan lain-lain. Kesannya didapati amat memberangsangkan, namun, jika dilihat dari aspek penguasaan modal saham di kalangan usahawan pelbagai kaum, matlamat DEB masih belum tercapai sepenuhnya. Ini adalah kerana penguasaan modal saham bumiputera hanya sebanyak 20.3% pada tahun 1997. Agihan terperinci saiz modal saham bumiputera dapat dirujuk dari jadual 1.6 di bawah.

Jadual 1.6
Perbandingan Syarikat-Syarikat di Malaysia Mengikut Saiz Modal Saham
(Ekuiti) Tahun 1997 (dalam peratus)

Saiz ekuiti (juta)	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Asing	Hakmilik bersama	Jumlah
10 dan kurang	23.7	73.8	1.8	0.7	34.2
10 – 100	25.7	71.4	1.9	1.0	28.8
101 – 2500	13.8	80.8	3.5	1.8	32.4
2501 – 10000	6.8	80.7	9.9	2.6	2.9
Lebih 10000	2.9	80.8	13.8	2.5	1.7
Keseluruhan	20.3	75.7	2.8	1.2	100.0

Sumber : Dato' Dr. Samsuddin Hitam "Pencapaian Bumiputera dalam Bidang Ekonomi" di Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB4)

Humam (1988) berpendapat keadaan ini berlaku kerana usaha pembangunan keusahawanan di Malaysia adalah sebagai aktiviti rumah hijau di mana usahawan bumiputera dijaga sepenuhnya oleh kerajaan atau usahawan subsidi seperti mana yang selalu disebut umum.

Bukti kegagalan mengwujudkan usahawan jati dapat dilihat dengan merujuk kepada peningkatan kes-kes bankrapsi di kalangan usahawan dari tahun 1984 sehingga 1989 seperti di Jadual 1.7 di bawah yang dipetik dari laporan dari Pejabat Peguam Negara dalam Shukor Omar (2002, p.46).

Bukhari (1994) menyatakan bahawa proses pembangunan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera masih menunjukkan kelemahan dalam mengurus perniagaan mereka. Ini memberi gambaran bahawa masyarakat usahawan jati masih belum dapat diwujudkan.

Jadual 1.7
Bilangan Kes Bankrapsi

KES BANKRAPSI, 1984 – 1989		
Tahun	Bil. Kes	Peratus peningkatan
1984	9,871	
1985	11,536	17
1986	14,536	26
1987	17,159	18
1988	21,524	24
1989	29,000	36

Sumber : Pejabat Peguam Negara. Jabatan Percetakan Kerajaan (1993)

adalah penting untuk melahirkan usahawan yang dapat berdaya saing dan berdaya tahan. Salah satu kelemahan program keusahawanan yang dilaksanakan ialah kekurangan penghayatan tentang konsep dan falsafah keusahawanan (Barjoyai, 2000). Kurang penghayatan berlaku kerana takrifan yang tidak jelas dan tidak konsisten. Contohnya, Bukhari (1994) telah membandingkan takrif keusahawanan yang diberikan oleh McClelland (1961) dengan takrif keusahawanan yang diberikan oleh kerajaan Malaysia seperti yang diutarakan oleh Unit Pemodenan Tenaga Manusia (MAMPU). Takrifannya yang kurang jelas menyebabkan langkah kerajaan selama ini hanya berjaya melahirkan ahli perniagaan dan bukannya golongan usahawan. Dalam bidang pendidikan kesannya adalah serupa iaitu pembentukan sukatan

pelajaran yang ingin melahirkan ahli perniagaan dan bukannya untuk melahirkan usahawan. Ini diakui sendiri oleh Kementerian Pendidikan apabila mereka menyusun semula sukatan pelajaran yang melibatkan mata pelajaran keusahawanan seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Penekanan ke arah membentuk sikap keusahawanan kurang diberi penekanan.

Oleh kerana pelajar adalah insan yang bakal menjayakan matlamat wawasan negara dan faktor diri dan pengaruh persekitaran merupakan 80 peratus (rujuk jadual 1.8 di bawah) pendorong menceburi dunia perniagaan, maka adalah perlu untuk diketahui adakah ciri-ciri usahawan berjaya terdapat dalam diri mereka.

Jadual 1.8
Faktor-faktor Usahawan Melayu Menceburi Perniagaan

Sebab	Peratus
Tidak puas hati dengan kerja dahulu	18
Tradisi keluarga	20
Minat	58
Lain-lain	4

Sumber : Zaidatol Akmaliah Lope Pihie et al (1997, p.8)

Ciri-ciri usahawan yang berjaya di sini adalah merujuk kepada kajian Mc Clelland dan McBer & Co., New York (MEDEC, 1997, p.11 ; UiTM ESG, 2004, p.10 ; Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Habibah Elias, 1997, p.31) yang telah mengkaji usahawan berjaya di Malawi, India dan Ecuador telah mendapati mereka ini memiliki 13 set ketrampilan yang menyebabkan mereka

berjaya. Ketrampilan diri yang dimaksudkan adalah inisiatif, melihat dan merebut peluang, kecekalan, mencari maklumat, menitikberatkan mutu kerja yang tinggi, komitmen kepada perjanjian kerja, orientasi ke arah kecekapan, membuat perancangan yang sistematik, penyelesaian masalah, keyakinan diri, ketegasan, kemampuan meyakinkan orang lain dan kemampuan menggunakan strategi pengaruh. Jadi ciri-ciri inilah yang akan dilihat sama ada terdapat dalam diri pelajar atau tidak dan jika ada, apakah faktor-faktor demografi yang mempengaruhi orientasi keusahawanan serta kekuatan pertaliannya di antara faktor demografi tersebut dengan ciri-ciri tersebut. Jika ciri-ciri tersebut masih tiada bagaimanakah ia dapat ditonjolkan di dalam diri pelajar supaya mereka menjadikan ciri-ciri itu sebagai tabiat mereka (Covey R. Steven, 1995, p.1).

Pembudayaan tabiat ini penting lebih-lebih lagi matlamat Wawasan 2020 kini hanya tinggal lebih kurang 15 tahun. Pembentukan tabiat yang betul penting kerana menurut Tun Dr. Mahathir Mohamed dalam Alex K.B. Yong (1996)

“ it is blindingly clear that the the most important resource of any nation must be the talents, skills, creativity and will of its people. What we have between our ears, at our elbows and in our hearts is much more important than what we have below our feet and around us. Our people is our ultimate resource”

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga menekankan betapa pentingnya modal insan dan ia merupakan agenda utama dalam program Rancangan Malaysia Kesembilan. Pembentukan modal insan penting tambahan pula pencapaian DEB masih tidak ditahap seperti dirancang iaitu 30 peratus penglibatan bumiputera (rujuk jadual 1.6 di atas). Di manakah salahnya? Sebenarnya masalah ini wujud kerana masalah utama yang berlaku

adalah kerana terdapat jurang di antara program pembangunan usahawan di peringkat persekolahan dengan masyarakat luar persekolahan.

Walaupun terdapat pelbagai usaha untuk membangunkan MPPB, kebanyakan usaha ditumpukan di luar lingkungan persekolahan. Ini jelas apabila agensi-agensi seperti Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN), Perbadanan Usahawan Bumiputera (PUNB), Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN), Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) dan lain-lain lagi lebih banyak mengendalikan program-program pembangunan usahawan untuk golongan lepasan sekolah. Keadaan ini tidak menyumbang kepada pembangunan keusahawanan di kalangan pelajar (Muhammad, 1994). Dalam perkataan lain budaya keusahawanan tidak dibentuk mulai dari alam persekolahan sedangkan sifat keusahawanan bukan sahaja amat penting untuk seseorang individu untuk menjadi peniaga tetapi ia amat penting untuk pembangunan insan sesuai dengan firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

....Sesungguhnya Allah tidak akan merobah nasib sesuatu kaum itu melainkan mereka berusaha merobah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri (Ar-Ra'd : 11)

Oleh itu dari pernyataan masalah di atas keutamaan kajian akan memberi tumpuan kepada persoalan asas pembentukan usahawan iaitu orientasi sikap keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah Lambor Kiri, Perak dengan tumpuan kepada model orientasi sikap keusahawanan cadangan McClelland.

1.6 Objektif Kajian.

Kajian ini adalah untuk mengetahui sejauh mana faktor jantina, umur, saiz keluarga, kedudukan dalam keluarga, pekerjaan bapa, pendapatan bapa dan keaktifan dalam persatuan berkaitan dengan orientasi sikap keusahawanan.

Secara khusus objektif kajian adalah seperti berikut;

1.6.1. Menerangkan perkaitan faktor jantina terhadap orientasi keusahawanan.

1.6.2. Menerangkan perkaitan faktor kedudukan dalam keluarga terhadap orientasi keusahawanan.

1.6.3. Menerangkan perkaitan faktor saiz keluarga terhadap orientasi keusahawanan.

1.6.4. Menerangkan perkaitan faktor pendapatan bapa terhadap orientasi keusahawanan.

1.6.5. Menerangkan perkaitan faktor pekerjaan bapa terhadap orientasi keusahawanan.

1.6.6 Menerangkan perkaitan faktor keaktifan pelajar dalam kegiatan koperasi terhadap orientasi keusahawanan.

1.6.7 Menerangkan perkaitan faktor keaktifan pelajar dalam kegiatan kelab dan persatuan terhadap orientasi keusahawanan

Berdasarkan objektif di atas persoalan-persoalan kajian yang ingin ditemui jawapannya adalah seperti berikut:

1. Adakah orientasi sikap keusahawanan berkaitan dengan jantina.
2. Adakah orientasi sikap keusahawanan berkaitan dengan kedudukan dalam keluarga.

3. Adakah orientasi sikap keusahawanan berkaitan dengan saiz keluarga.
4. Adakah orientasi sikap keusahawanan berkaitan dengan pendapatan bapa.
5. Adakah orientasi sikap keusahawanan berkaitan dengan pekerjaan bapa.
6. Adakah orientasi sikap keusahawanan berkaitan dengan keaktifan dalam kegiatan koperasi.
7. Adakah orientasi sikap keusahawanan berkaitan dengan keaktifan pelajar dalam aktiviti kelab dan persatuan.

1.7. Kepentingan Kajian.

Robiah Sidin (1994, p.3) menyatakan bahawa pendidikan adalah salah satu unsur falsafah pembangunan insan yang dihayati pada masa hadapan. Unsur pendidikan menonjolkan kepentingan masyarakat berilmu sebagai asas perubahan ke arah pembangunan intelektualisme dan sosioekonomi.

Sufean dalam Ismail Shuhada (1998, p.20) menyatakan usahawan pula adalah merupakan sebahagian agen utama yang dapat membentuk pembangunan masyarakat. (UiTM ESG, 2004, p.6). Untuk membangunkan masyarakat maka ejen terlebih dahulu perlu diorientasikan supaya bersesuaian dengan matlamat pembangunan.

Pendidikan keusahawanan perlu diberi tumpuan utama terutamanya pada peringkat institusi latihan seperti sekolah dan institusi keusahawanan yang lain. Pendidikan dan latihan keusahawanan dalam dekad ini menjadi

lebih penting dengan pembinaan industri yang memerlukan pengetahuan serta kemahiran yang khusus. Perkembangan peningkatan industri menyebabkan juga perubahan dasar dari ekonomi berasaskan sumber kepada k-ekonomi atau ekonomi berasaskan pengetahuan. Semangat keusahawanan penting dimiliki dan diamalkan kerana terbukti syarikat-syarikat besar yang berjaya adalah hasil semangat keusahawanan yang diamalkan oleh anggotanya (Peters Thomas J. and Waterman Jr. Robert H, 1982).

Tabiat dan semangat keusahawanan hanya dapat diterap melalui proses pendidikan. Proses pendidikan dan latihan keusahawanan yang selaras dengan perkembangan dan kepelbagaian sifat-sifat manusia serta penyelarasan dengan sifat-sifat usahawan yang telah berjaya akan menjadi lebih berkesan apabila sesuatu model latihan khusus digunakan secara tekak (Zaidatol Akmaliah Lope Pihie et. al, 1997, p.9). Oleh itu model latihan dan pengajaran hanya akan berkesan apabila individu atau kelompok individu yang ingin dilahirkan diketahui sikap serta persekitaran yang mempengaruhi sikap mereka terlebih dahulu. Jadi kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui pertalian di antara angkubah faktor demografi dengan sikap keusahawanan pelajar. Keadaan ini penting diketahui agar ia dapat digunakan dalam merancang sesuatu program pembangunan usahawan pada masa hadapan agar ia dapat dijadikan rujukan untuk penyelarasan dan penyesuaian antara kaedah dengan input yang ingin dibentuk.

Mengapakah pula orientasi keusahawanan McClelland dijadikan rujukan? Teori ini adalah hasil dari penyelidikan merentasi budaya terhadap sekumpulan usahawan berjaya di Malawi, India dan Ecuador (MEDEC, 1997,

p.11). Teori ini digunakan adalah kerana faktor rangsangan bertindak yang dikemukakan oleh McClelland meliputi elemen yang dianggap menyeluruh yang kebanyakannya terdapat dalam diri usahawan yang berjaya yang mereka kaji itu. Menurut Stephen P. Robbin (2001, p.162) teori keperluan McClelland mengandungi 3 elemen penting yang perlu dipenuhi oleh manusia yang dapat merangsang tindakan mereka iaitu ia memfokus ke atas tiga keperluan iaitu pencapaian sendiri, kekuasaan dan perhubungan. Dengan menganggap sifat-sifat ini mesti ada supaya ia menjadi pendorong kejayaan usahawan maka ia dikaji ke atas pelajar sama ada mereka memiliki sifat-sifat tersebut atau tidak dan jika ada apakah faktor-faktor utama demografi dan persekitaran yang mendorong pengwujudan sifat tersebut serta kekuatan pertaliannya. Apabila pertalian di antara angkubah bersandar itu dengan sikap keusahawanan diketahui secara jelas maka mudahlah digunakan pertalian tersebut untuk menentukan model yang sesuai dalam program pembangunan usahawan pada masa hadapan.

Hasil kajian ini diharapkan dapat digunakan untuk tindakan pihak tertentu seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Pembangunan Usahawan dan kementerian-kementerian lain yang khususnya merancang program latihan keusahawanan serta mencetuskan idea untuk membentuk pelbagai jenis dan corak latihan serta pendekatan pendidikan yang baru dapat diwujudkan bersesuaian dengan gaya belajar seseorang (Tajul Ariffin Nordin & Nor'Aini Dan, 1992).

1.8 Hipotesis Kajian

Terdapat tujuh hipotesis yang diuji iaitu:

- H_{01} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor jantina dengan mean skor orientasi keusahawanan..
- H_{02} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kedudukan dalam keluarga dengan mean skor orientasi keusahawanan.
- H_{03} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara saiz keluarga dengan mean skor keusahawanan.
- H_{04} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pendapatan keluarga dengan mean skor orientasi keusahawanan.
- H_{05} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pekerjaan bapa dengan mean skor orientasi keusahawanan.
- H_{06} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara keaktifan pelajar dalam koperasi dengan mean skor orientasi keusahawanan
- H_{07} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara keaktifan pelajar dalam aktiviti kelab dan persatuan dengan mean skor orientasi keusahawanan

1.9 Batasan Kajian.

Faktor tempoh masa kajian, kos dan tenaga kerja untuk melaksanakan kajian akan menyebabkan terdapat beberapa batasan mengenai hasil yang diperolehi.

Batasan kajian ialah seperti berikut;

1.9.1. Kemungkinan terdapat unsur bias dalam menjawab soalan yang dikemukakan. Responden mungkin menjawab sebagai memenuhi kuota dan kuantiti sahaja tanpa menimbangkan kesan terhadap kepentingan kajian ini. Ini kerana terdapat tanggapan bahawa kajian menggunakan borang soal selidik tidak memberikan gambaran yang komprehensif terhadap persepsi responden.

1.9.2 Item yang dikemukakan yang termasuk item yang berkaitan imbasan kembali perkara yang lepas memungkinkan wujud faktor lupa dan jawapan rambang. Jawapan yang tidak tepat akan memberi keputusan yang salah.

1.9.3 Kajian hanya dapat dibuat ke atas sampel minimum seperti yang dikehendaki mengikut formula Yamana kerana keterbatasan masa.

1.10. Definisi Konsep dan Operasi.

1.10.1 Sikap Usahawan

Sikap atau tabiat adalah corak tingkah laku yang terdiri daripada tindihan tiga komponen iaitu pengetahuan, keinginan dan kemahiran.

(Covey R. Steven, 1995, p.1). Robbins Stephen P. pula menyatakan,

“attitudes are evaluative statements – either favorable or unfavorable – concerning objects, people or events. They reflect how one feels about something. There are three components of an attitude: cognition, affect and behavior.

(Robbins Stephen P., 2001, p.68)

Sikap keusahawanan di sini merujuk kepada 13 sifat yang dicadangkan dalam soal selidik Mc Clelland dalam Mc Ber & Co iaitu inisiatif, melihat dan merebut peluang, mencari maklumat,

menitikberatkan mutu kerja yang tinggi, komitmen terhadap perjanjian kerja, berorientasi ke arah kecekalan, membuat perancangan yang sistematik, menyelesaikan masalah secara kreatif, keyakinan diri, ketegasan, meyakinkan orang lain dan menggunakan strategi-strategi pengaruh (MEDEC, 1997, p.12 ; Nor Aishah Buang, 2002, p.40 ; Zaharuddin Yahya, 1995, p.53).

1.10.2 Keaktifan Dalam Aktiviti Berpersatuan

Keaktifan dalam aktiviti berpersatuan dirujuk kepada responden yang melibatkan diri dalam kegiatan kelab dan persatuan yang terlibat menjadi pengerusi, naib pengerusi, setiausaha dan bendahari.


1.10.3 Keaktifan Dalam Aktiviti Koperasi

Keaktifan dalam aktiviti koperasi dirujuk kepada responden yang melibatkan diri dalam kegiatan koperasi yang terlibat menjadi pengerusi, naib pengerusi, setiausaha dan bendahari. Kegiatan koperasi tertakluk kepada Akta Koperasi 1993

1.11 Kerangka Konseptual Kajian.

Ringkasan dari penerangan di atas, apa yang ingin dikaji di sini adalah untuk melihat pertalian di antara angkubah bebas iaitu faktor demografi yang terdiri daripada faktor jantina, pendapatan keluarga, kedudukan dalam keluarga, saiz keluarga dan pekerjaan bapa dan faktor penglibatan dalam aktiviti persatuan di sekolah iaitu keaktifan dalam kegiatan koperasi dan persatuan keusahawanan dengan angkubah bersandar iaitu orientasi keusahawanan yang merujuk kepada 13 orientasi keusahawanan hasil kajian McClelland iaitu inisiatif,

melihat dan merebut peluang, kecekalan, mencari maklumat, menitikberatkan mutu kerja yang tinggi, komitmen kepada perjanjian kerja, orientasi ke arah kecekapan, membuat perancangan yang sistematik, penyelesaian masalah, keyakinan diri, ketegasan, kemampuan meyakinkan orang lain dan kemampuan menggunakan strategi pengaruh.



Rajah 1.1 : Kerangka Konseptual Kajian